

Kerapatan bincang soal adat

15/3/88

SEREMBAN, Isnin — Kedudukan Datuk Muda Linggi Abu Zarim Haji Mulop, yang mencampuri secara langsung urusan perlantikan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 baru-baru ini, akan diputuskan dalam satu kerapatan adat tidak lama lagi.

Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Shahari Haji Hassan akan memanggil semua ketua adat Luak berkenaan daripada Cerak di Darat dan di Air bagi menghadiri satu kerapatan adat khusus untuk membincangkan perkara itu.

Kerapatan adat itu dijangka berlangsung di Balai Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong di Kampung Belangan dekat sini 'dalam masa sehari dua lagi'.

Jurucakap Balai Datuk Shahbandar, Datuk Seri Amar Diraja Syed Hussein Al-haj Syed Abdul Hamid, berkata hari ini Datuk Muda Linggi Abu Zarim sudah melakukan 'satu kesalahan adat yang amat besar'.

"Jawatan adat bergelar Datuk Muda Linggi tidak mempunyai sebarang kaitan

dengan urusan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong seperti yang digariskan dalam aturan adat dan pesaka Luak ini.

"Kedudukan Datuk Muda Linggi di segi aturan adat disebut sebagai 'beribukan Datuk Shahbandar dan berbapakan Datuk Kelana Putra'. Dengan kata lain, Datuk Muda Linggi adalah umpama seorang anakanda kepada Datuk Shahbandar dan dengan itu beliau tidak boleh membelakangkan Datuk Shahbandar.

Memorandum

"Oleh kerana Datuk Muda Linggi Abu Zarim sudah melanggar aturan adat, maka kedudukannya akan diputuskan oleh ketua-ketua adat Luak ini dalam satu kerapatan tidak lama lagi," ujarnya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini.

Datuk Seri Amar Diraja Syed Hussein Al-haj, berkata Datuk Shahbandar Shahari amat menyesali perbuatan Datuk Muda Linggi Abu Zarim yang campurtangan secara langsung dalam urusan perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10.

Menurutnya, nilai hukum atau kuasa penentu urusan pentadbiran adat di Luak Sungai Ujong terletak di tangan penyandang pesaka Datuk Kelana Putra dan Datuk Shahbandar.

Beliau berkata mengikut aturan adat, jika seseorang penyandang pesaka tidak tahukan adat dan terbabit dalam perbuatan yang boleh merosakkan adat, maka gugurlah pesaka yang disandangnya.

Datuk Muda Linggi Abu Zarim adalah antara lima ketua adat Luak Sungai Ujong yang pergi ke Istana Besar Seri Menanti Selasa lalu untuk menyembahkan satu memorandum kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang mengadakan mesyuarat khasnya pada hari berkenaan.

Memorandum itu, yang ditandatangani oleh Tua Lembaga Waris di Darat, Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin mengandungi nama seorang anak Waris Perut Hilir, Raja Azman Raja Amir yang dicalonkan oleh ketua-ketua adat berkenaan sebagai bakal penyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.